

# Rombakan SPR bakal kembalikan keyakinan rakyat

um-10/1/2007

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

**KUALA LUMPUR** 9 Jan. - Penstrukturan semula Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan proses pilihan raya di negara ini bakal mengembalikan keyakinan rakyat terhadap badan itu dalam mewujudkan pilihan raya yang telus dan adil.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad berkata, penyemakan semula badan itu sememangnya tepat pada masanya bagi meningkatkan keberkesanan perjalanan pilihan raya.

Menurutnya, walaupun selama ini SPR telah menguruskan proses pilihan raya dengan baik, namun kelemahan masih ada kerana sistem yang digunakan SPR telah berusia 50 tahun.

"Keperluan untuk menyemak semula SPR adalah wajar. Ia perlu diletakkan pada kedudukan yang lebih teguh untuk menjalankan proses pilihan raya sehingga ia boleh digolongkan sebagai badan bebas dan adil serta mendapat kepercayaan semua pihak baik pengundi mahupun parti-parti politik, badan berkanun, pertubuhan awam dan rakyat Malaysia.

"Sehubungan itu, tindakan SPR yang mengukui kekurangan badan itu dan ingin mengatasinya dengan melakukan rombakan harus dipuji bagi mencapai objektif melaksanakan pili-

**Penyemakan semula badan itu sememangnya tepat pada masanya bagi meningkatkan keberkesanan perjalanan pilihan raya**

**SHAHIR SAMAD**  
Ahli Parlimen  
Johor Bahru

han raya yang demokratik," kata Shahrir kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi SPR, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman yang mencadangkan badan itu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya di bawahnya yang sudah berusia 50 tahun dirombak secara drastik.

Kajian semula itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak menjadi lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.

Pemangku Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BN-BBC), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, kenyataan Pengerusi SPR itu perlu diberi perhatian serius kerana beliau arif tentang kelemahan yang dihadapi oleh badan itu.

"Penyemakan semula itu menunjukkan kesanggupan SPR untuk mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan mereka bagi menutup se-

barang ruang kepada pihak tertentu membuat sebarang tuduhan terhadap badan pengurus pilihan raya tersebut.

"Bagaimanapun, cadangan itu harus diteliti oleh pucuk pimpinan dan sekiranya hendak dilaksanakan, Ahli Parlimen harus diberi taklimat terlebih dahulu. Kami juga bersedia membincangkannya di Parlimen," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Peguam, Yeo Yang Poh berkata, keperluan untuk mewujudkan satu perjalanan pilihan raya yang lebih telus, adil dan saksama amat diperlukan.

"Sekiranya perkara ini tidak dapat dilaksanakan, sudah pasti kritikan demi kritikan akan menghujani SPR kerana mentaliti rakyat sekarang telah berubah," katanya.

Ujarnya, apa jua tindakan penambahbaikan yang hendak diambil, SPR perlu mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pakar perundangan dan rakyat.